



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TALKING POINT

**YB TAN SRI TPr. ANNUAR HAJI MUSA
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PROGRAM PRIHATIN RAMADAN 1442H/2021M
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**3 MEI 2021 (ISNIN)
5.00 PETANG
DEWAN SRI SIANTAN, KOMPLEKS PERBADANAN
PUTRAJAYA**

PROGRAM PRIHATIN RAMADAN

1. Program Prihatin Ramadan merupakan acara kesinambungan daripada acara Nur Ramadan yang diadakan setiap tahun sejak 2011.
2. Objektif program Prihatin Ramadan
 - a. Ringankan beban perbelanjaan golongan yang kurang berkemampuan
 - b. Mengimarahkan amalan bersedekah di bulan Ramadan dengan pemberian sumbangan golongan yang memerlukan
 - c. Membina persepsi serta kesedaran kepada masyarakat untuk lebih cakna dan prihatin dalam terus membantu golongan ini.
 - d. Membantu golongan ini merasai kemeriahan dalam persiapan menyambut Aidilfitri.
3. Secara keseluruhan KWP memperuntukkan sebanyak RM 300,000 yang akan dimanfaatkan oleh 2,000 penerima sumbangan di Wilayah Persekutuan di mana setiap penerima akan menerima RM150.00.
4. Pecahannya adalah:

Bil	Wilayah	Peruntukan (RM)	Jumlah Penerima
1	Kuala Lumpur	165,000.00	1,100
2	Putrajaya	60,000	400
3	Labuan	75,000	500

5. Ucapan terima kasih kepada Media Prima Berhad melalui sumbangan orang ramai kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima NSTP yang sudi bersama-sama Kementerian Wilayah Persekutuan sebagai rakan strategik dalam memberikan sumbangan RM150.00 tambahan kepada setiap penerima yang juga akan dimanfaatkan oleh 2,000 penerima di Wilayah Persekutuan.

6. Yayasan Wilayah turut menyumbang bakul makanan (keperluan asas) bernilai RM50.00 kepada semua para penerima berjumlah RM100,000.00
7. Secara keseluruhan KWP dengan rakan strategik telah memperuntukkan sebanyak RM700,000 bagi program Prihatin Ramadan Wilayah Persekutuan 2021.

AL QURAN AL KARIM MUSHAF PUTRAJAYA

8. Sempena 25 tahun Jubli Perak Putrajaya, KWP, PPj dengan kerjasama Yayasan Restu dan Nasyrul Quran telah berjaya menerbitkan Al Quran Al Karim Mushaf Putrajaya.
9. Alhamdulillah Al-Quran Mushaf Putrajaya ini berjaya diterbitkan pada tahun ini. Sumber-sumber rekaan struktur dan motif Al-Quran Al-Karim Mushaf Putrajaya diperolehi dari pelbagai kategori sumber seperti melalui artifak dan warisan seni bina, seni reka tekstil, seni reka logam, seni hias manuskrip dan sebagainya.
10. Sumber motif turut diperolehi dari landskap, flora dan persekitaran di Putrajaya di samping dari maklumat-maklumat lain seperti sumber ekonomi, pentadbiran dan politik, sains dan teknologi, pendidikan dan sebagainya.
11. Mushaf Putrajaya diterbitkan dengan versi MUFIQ (Mudah Untuk Fahami Isi Quran) iaitu Al-Quran Al-Karim bertajwid dengan terjemahan beserta ensiklopedia Al-Quran.
12. KWP, PPj, Yayasan Restu dan Nasyrul Quran menginfakkan sebanyak 4,000 naskhah Al-Quran. Naskhah-naskhah ini akan diedarkan ke masjid-masjid, surau jumaat dan komuniti, surau pejabat dan surau sekolah di Putrajaya.

MELANGKAH KE HADAPAN

INISIATIF KWP DAN AGENSI

13. Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi akan terus komited serta prihatin dalam membasmi kemiskinan bandar dan membela kebajikan rakyat.
14. Pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan seperti MYFood@Wilayah, MYGrocer@Wilayah, MYSchoolBus@Wilayah, MYMedic@Wilayah, MYJobs@Wilayah di wilayah Persekutuan.
15. Pembangunan sebanyak 12,253 unit Residensi Prihatin dengan melibatkan 10 tapak projek pembangunan di Putrajaya membabitkan kawasan strategik di Presint 5, 7, 11, 16 dan 19 dan dijangka siap sepenuhnya hingga tahun 2025.
16. Di Putrajaya, perkhidmatan bas percuma Nadi Putra melibatkan 12 laluan juga diteruskan dan mensasarkan peningkatan 50 peratus pertambahan penumpang pada tahun 2021.
17. Saya mensasarkan untuk melahirkan seramai 118 usahawan menerusi Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota Wilayah Persekutuan Putrajaya dalam tempoh dua tahun akan datang. Terkini saya berbesar hati untuk **melanjutkan tempoh IWBB ini sehingga 31 Julai 2021.**
18. Cadangan **projek Mega Urban Farming seluas 26 ekar di Presint 20, Putrajaya yang kini dalam proses penyelesaian pemilikan tanah.**
19. Pembangunan **Football City dan Perkampungan Al-Quran** serta usaha menjadikan Putrajaya bandar rekreasi boleh menjadikan Putrajaya salah satu destinasi pelancongan yang dapat menjana ekonomi dan pendapatan warganya.

20. Kawasan di sekitar Presint 4 dan kawasan Wetland sedang dibangunkan menjadi kawasan rekreasi utama dilengkapi kemudahan *camping*, *climbing* dan *abseiling* dan tapak perkarangan sebagai tarikan kepada pelbagai golongan remaja dan keluarga.
21. Ke arah mencapai bandar berdaya huni, mampan dan pintar menjelang 2030, Kementerian akan melancarkan Blueprint Bandar Pintar Wilayah Persekutuan (**MySmart Wilayah**) bagi merangka dan memandu arah perancangan dan pembangunan melalui penerapan teknologi digital di Wilayah Persekutuan agar warga Wilayah Persekutuan lebih selesa dan kondusif.

USAHASAMA DENGAN MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK

22. PPj dan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya perlu bekerjasama dalam membantu golongan B40 untuk keluar dari kepompong kemiskinan.
23. Mengenal pasti golongan-golongan ini dan cuba membantu dalam memperbaiki kehidupan dengan memanfaatkan penglibatan di dalam program-program di bawah inisiatif pemerkasaan bumiputra antaranya:

BIL	PROGRAM	SASARAN
1.	Bengkel Suri – kulineri, bakeri & jahitan <ul style="list-style-type: none"> - memperkasakan ekonomi keluarga melalui kemahiran kulineri, bakeri & jahitan - Melahirkan peniaga/usahawan dengan mendedahkan peserta dengan aspek pemasaran. 	Belia, Ibu Tunggal & OKU, B40

2.	<p>Program Kraf Komuniti Ku (KKK) Putrajaya</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tujuan untuk memperkasakan ekonomi keluarga melalui kemahiran dalam bidang kraf - Melahirkan peniaga/usahawan dengan mendedahkan peserta dengan aspek pemasaran. 	Belia, Ibu Tunggal & OKU, B40
3.	<p>Bengkel <i>Young Photographer</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Tujuan untuk memperkasakan ekonomi melalui kemahiran fotografi dan videografi 	Remaja & Belia
4.	<p>Kursus Keusahawanan – ‘Program JUMNiaga Keusahawanan Komuniti Putrajaya</p> <ul style="list-style-type: none"> - Program sokongan untuk membimbing usahawan dalam bisnes. - Menfokus kepada peningkatan kemahiran secara menyeluruh iaitu dari minda usahawan, penjenamaan, model perniagaan & digital pemasaran. 	Usahawan Putrajaya
5.	<p>Kursus Peningkatan Kemahiran Belia – CCTV dan Sekuriti</p> <ul style="list-style-type: none"> - Untuk melengkapkan tenaga kerja dengan ilmu pengetahuan, amalan peluang perniagaan dan kemahiran yang selari dengan keperluan industri kawalan keselamatan premis. 	Golongan Belia B40
6.	<p>Program Minggu Infaq Putrajaya</p> <ul style="list-style-type: none"> - Program bertujuan untuk mengumpulkan sumbangan bagi disalurkan ke sudut infaq untuk membantu golongan asnaf & miskin - Ia menyokong Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PKPB) dalam 	Golongan asnaf & miskin

	mengurangkan beban tanggungan keluarga, membina keupayaan bagi meningkatkan pendapatan dan seterusnya mensejahterakan kehidupan warga Putrajaya.	
--	--	--

24. Semoga program Prihatin Ramadan Wilayah Persekutuan Putrajaya pada hari ini dapat membantu dan dimanfaatkan sepenuhnya kepada semua penerima di bulan Ramadan yang mulia ini. Sekali lagi jutaan terima kasih kepada semua pihak termasuk Kumpulan Media Prima dan Yayasan Wilayah Persekutuan yang menjayakan inisiatif murni pada hari ini.

Sekian,

Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh